

**Perdana Menteri Kembali Ke Tanah Air Selepas Hadiri Sidang ASEAN
Bernama
10 Oct, 2013**

PETALING JAYA, 10 Okt (Bernama)-- Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak selamat kembali ke tanah air Khamis malam selepas menghadiri Sidang Kemuncak ASEAN ke-23 di Bandar Seri Begawan, Brunei yang berakhir siang tadi.

Pesawat khas yang membawa Najib dan isteri Datin Seri Rosmah Mansor selamat mendarat di Pangkalan Udara Subang pada pukul 9.05 malam.

Selain Sidang Kemuncak ASEAN ke-23, Najib juga menghadiri beberapa siri sidang kemuncak berkaitan dengan rakan dialog ASEAN seperti China, Jepun, Korea Selatan, Australia, New Zealand, India dan Amerika Syarikat.

--BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=984773>